

Khamis, 9 Januari 2020 | 4:43pm



**ISKANDAR** Ismail ketika sidang media hasil siasatan ke atas 7 pengendali gudang yang mengenakan surcaj pengendalian dan pemungghahan muatan berat bagi kontena import dan eksport di Ibu Pejabat Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC), Kuala Lumpur. - Foto NSTP/Mohamad Shahril Badri Saali

## 7 pengusaha gudang diberi 30 hari tunjuk sebab - MyCC

Oleh Suzalina Halid  
suzalina@bh.com.my

**KUALA LUMPUR:** Tujuh operator gudang diberi tempoh 30 hari bekerja untuk memberi representasi pembelaan secara bertulis atau lisan kerana disyaki terbabit sebagai kartel penetapan harga ke atas surcaj perkhidmatan bagi pengendalian muatan panjang dan berat di Pelabuhan Klang.

Ketua Pegawai Eksekutif Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC), Iskandar Ismail, berkata pihaknya mengeluarkan keputusan cadangan ke atas tujuh operator gudang berkenaan kerana disyaki melanggar Seksyen 4 Akta Persaingan 2010 (Akta 712).

"Jika mereka gagal memberi tunjuk sebab bermula hari ini, kita akan bawa kes kepada keputusan akhir di mana kami akan memutuskan tindakan penalti atau pembetulan," katanya pada sidang media, di sini, semalam.

Iskandar berkata, berdasarkan siasatan, tujuh operator gudang terbabit dalam perbuatan penetapan harga berhubung kadar surcaj perkhidmatan pengendalian muatan panjang dan berat ke atas semua kargo import dan eksport di kawasan Northport dan Westport di Pelabuhan Klang.

Katanya, MyCC mendapati semua operator gudang itu melaksanakan penetapan kadar harga ke atas pelanggan masing-masing melalui platform perbualan dalam talian.

Beliau berkata, kartel penetapan harga dianggap pelanggaran yang amat serius mengikut undang-undang persaingan dan ia perlu dihentikan bagi memastikan pengguna dilindungi.

“Melalui kes itu, mereka disyaki bersetuju menaikkan harga kadar surcaj secara bersama-sama menyebabkan tiadanya persaingan antara mereka yang mana kesan buruknya akan ditanggung pengguna.

“Perkhidmatan gudang adalah elemen penting dalam ekosistem dan kos berkenaan yang biasanya akan dipindahkan kepada pengguna. Kami di MyCC akan terus menangani kartel penetapan harga untuk manfaat pengguna yang mana sekarang sedang bergelut dengan isu kos sara hidup,” katanya.

Beliau berkata, berdasarkan akta itu, jumlah denda yang mungkin dikenakan tidak melebihi 10 peratus daripada nilai perolehan dari seluruh dunia bagi setiap syarikat terbabit.

Katanya, kes membabitkan persaingan antara operator gudang adalah pertama kali dikesan dan jika keputusan akhir mendapati pengusaha itu bersalah, mereka dikehendaki membayar denda yang akan ditetapkan kelak.

Sementara itu, berhubung isu syarikat penyediaan perkhidmatan e-hailing Grab, Iskandar berkata, pihaknya berharap dapat membawa kes salah guna kedudukan dominan syarikat itu pada keputusan akhir, tahun ini, sekali gus menyelesaikan isu terbabit.

Beliau berkata, pihaknya baharu sahaja menerima respresentasi pembelaan daripada Grab pada 30 Disember 2019, yang sepatutnya diserahkan syarikat itu pada 27 November lalu, tetapi mereka meminta lanjutan masa.

Oktober lalu, MyCC mencadangkan Grab didenda RM86,772,943.76 kerana amalan menindas selepas melanggar Seksyen 10 Akta Persaingan 2010 (AP 2010) secara kolektif berikutan syarikat itu menyalahgunakan kedudukannya melalui penganan beberapa klausa yang membataskan pemandunya.

Kartel penetapan harga

## 7 syarikat diarah beri penjelasan

### MyCC tetapkan 30 hari untuk representasi pembelaan

Oleh Suzalina Halid  
suzalina@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Tujuh operator gudang diberi tempoh 30 hari untuk memberi representasi pembelaan secara bertulis atau lisan kerana disyaki terbabit sebagai kartel penetapan harga ke atas surcaj perkhidmatan bagi pengendalian muatan panjang dan berat di Pelabuhan Klang.

Ketua Pegawai Eksekutif Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC), Iskandar Ismail, berkata pihaknya mengeluarkan keputusan cadangan ke atas tujuh operator gudang berkenaan kerana disyaki melanggar Seksyen 4 Akta Persaingan 2010 (Akta 712).

"Jika mereka gagal memberi tunjuk sebab bermula hari ini, kita akan bawa kes kepada keputusan akhir di mana kami akan memutuskan tindakan penalti atau pembetulan.

"Namun, jika mereka bersetuju untuk bekerjasama dalam penyiasatan, MyCC boleh memberikan mereka sehingga 100 peratus diskaun terhadap denda," katanya pada sidang media, di sini, semalam.

Iskandar berkata, berdasarkan siasatan, tujuh operator gudang terbabit dalam perbuatan penetapan harga berhubung kadar surcaj perkhidmatan pengendalian muatan panjang dan berat ke atas semua kargo import dan eksport di kawasan Northport dan Westport di Pelabuhan Klang.

Katanya, MyCC mendapati semua operator gudang itu melaksanakan penetapan kadar harga ke atas pelanggan masing-masing melalui platform perbualan dalam talian.

Beliau berkata, kartel penetapan harga dianggap pelanggaran yang amat serius mengikut undang-undang persaingan dan ia perlu dihentikan bagi memastikan pengguna dilindungi.

"Melalui kes itu, mereka disyaki bersetuju menaikkan harga kadar surcaj secara bersama-sama menyebabkan tiadanya persaingan antara



Iskandar Ismail

mereka yang mana kesan buruknya akan ditanggung pengguna.

"Perkhidmatan gudang adalah elemen penting dalam ekosistem dan kos berkenaan yang biasanya akan dipindahkan kepada pengguna. Kami di MyCC akan terus menangani kartel penetapan harga untuk manfaat pengguna yang mana sekarang sedang bergelut dengan isu kos sara hidup," katanya.

Beliau berkata, berdasarkan akta itu, jumlah denda yang mungkin dikenakan tidak melebihi 10 peratus daripada nilai perolehan dari seluruh dunia bagi setiap syarikat terbabit.

Katanya, kes membabitkan persaingan antara operator gudang adalah kali pertama dikesan dan jika keputusan akhir mendapati pengusaha itu bersalah, namun tidak melakukan tindakan pembetulan, denda secara harian akan dikenakan.

Sementara itu, berhubung isu syarikat penyediaan perkhidmatan e-hailing Grab, Iskandar berkata, pihaknya berharap dapat membawa kes salah guna kedudukan dominan syarikat itu pada keputusan akhir, tahun ini, sekali gus menyelesaikan isu terbabit.

Beliau berkata, pihaknya baru sahaja menerima representasi pembelaan daripada Grab pada 30 Disember 2019, yang sepatutnya diserahkan syarikat itu pada 27 November lalu.

Oktober lalu, MyCC mencadangkan Grab didenda RM86,772,943.76 kerana amalan menindas selepas melanggar Seksyen 10 Akta Persaingan 2010 (AP 2010) secara kolektif berikutan syarikat itu menyalahgunakan kedudukan dominannya melalui pengenaan beberapa klausa yang membataskan paman-  
dunya.